

09/02/2001

PKNK, Bukhary labur RM6b majukan Kota Perdana

Hassan Omar

PERBADANAN Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Kumpulan Syarikat Bukhary (Bukhary) akan melabur kira-kira RM6 bilion memajukan bandar komersial baru serba lengkap Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam, sempadan Malaysia-Thailand.

Fasa pertama pembangunan projek membabitkan pembinaan kawasan perdagangan bebas, industri berat termasuk kilang industri kecil dan sederhana (IKS), pusat komersial dan penginapan bercampur.

Kawasan perindustrian Kota Perdana akan dikenali sebagai Taman Industri Metropolis Asean (AIMP) yang bakal menarik pelabur dari luar negara.

Pelaburan membabitkan tiga fasa itu akan dilaksanakan Mac ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2010.

Apabila siap, Bukit Kayu Hitam akan muncul sebagai bandar baru yang dilengkapi pelbagai bangunan perindustrian, komersial, penginapan dan zon perdagangan bebas cukai.

Bagi tujuan itu, PKNK dan Bukhary melalui anak syarikat milik penuhnya, Benua Bayu Sdn Bhd (Benua Bayu) menubuhkan syarikat milik bersama, iaitu Northern Gateway Sdn Bhd (Northern Gateway).

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, Northern Gateway akan memajukan kawasan seluas kira-kira 2,400 hektar, membabitkan kawasan dari sempadan Malaysia-Thailand di utara hingga kawasan perindustrian Bukit Kayu Hitam sedia ada di selatan.

Beliau berkata, PKNK memiliki 30 peratus ekuiti dalam Northern Gateway, manakala Benua Bayu pula sebanyak 70 peratus ekuiti. Pelaksanaan projek dibantu syarikat perunding TAK Design Consultant (TAK Design).

Pelaksanaan projek dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mac ini.

Fasa pertama juga akan membabitkan pemindahan Kem Wataniah 305 dan Kompleks Jabatan Imigresen dan Kastam sedia ada ke arah selatan.

"Projek ini mampu menarik pelaburan dari beberapa syarikat IKS Jepun yang berminat beroperasi di kawasan ini. Selain itu, ia juga akan meningkatkan perdagangan antara Malaysia dengan Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat projek oleh Pengarah Urusan TAK Design, Teo Ah Khing di Kelab Golf Black Forest, di Bukit Kayu Hitam, semalam.

Menurut Menteri Besar, antara syarikat IKS Jepun yang berminat melabur di AIMP ialah yang terbabit dalam industri petrokimia.

Syed Razak yang juga Pengerusi Eksekutif PKNK berkata, pembangunan fasa kedua pula membabitkan pembinaan bangunan yang hampir sama dengan pembangunan fasa pertama, kecuali pembinaan kem tentera dan kompleks Imigresen dan Kastam.

"Fasa ketiga juga hampir sama dengan fasa kedua. Semua pembangunan ini akan turut menggiatkan lagi kerjasama ekonomi Malaysia-Thailand di bawah konsep Kerjasama Ekonomi Segi Tiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT)," katanya.

Ditanya mengenai pemilikan tanah, Syed Razak berkata, keseluruhan 2,400 hektar tanah yang bakal dibangunkan itu adalah milik PKNK.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelaskan sama ada tanah terbabit dijual oleh PKNK kepada Benua Bayu atau sebaliknya.

Beliau juga berkata, bagi memudahkan urusan keluar masuk pekerja dari Thailand ke kawasan terbabit kelak, kerajaan akan meminta Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen menyediakan kad pintar untuk

digunakan pekerja terbabit.

(END)